



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا  
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

# Buletin INFAD

INSTITUT PENGURUSAN & PENYELIDIKAN FATWA SEDUNIA  
WORLD FATWA MANAGEMENT & RESEARCH INSTITUTE

مجمع الفتاوى العالمية للإدارة والبحوث

Jilid 2 Bil. 2 (Disember 2004/Syawal 1425H)

ISSN 1675-6959

## Kandungan

INFAD Menubuhkan Bahagian Pembangunan Ijtihad	1
Sidang Pengarang Buletin INFAD	2
Dari Meja Editor	2
Laman Web Fatwa	2
Lawatan Mufti Kemboja Ke INFAD	3
Lawatan INFAD Ke Pejabat Mufti Negeri Johor	4
Wacana Khas INFAD 2004: INFAD, Kini Dan Masa Depan	5
Bengkel Perancangan Strategik Dan Pelan Tindakan INFAD 2005-2015 Di Melaka	6
Biodata Mufti Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim	7
Pengurusan Fatwa Di Negeri Johor	8
Muzakarah Fatwa Siri 1 - INFAD 2004 "Kubur Bertingkat - Perspektif Malaysia"	9

## INFAD TUBUHKAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN IJTIHAD

Sejak ditubuhkan pada 26 Mei 2003, organisasi INFAD mempunyai 7 buah bahagian iaitu Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penerbitan, Bahagian Perundingan dan Khidmat Kepakaran, Bahagian Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa, Bahagian Sumber dan Dokumentasi, Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa serta Bahagian Seminar dan Wacana.

Satu lagi bahagian telah ditubuhkan di INFAD iaitu Bahagian Pembangunan Ijtihad. Inisiatif penubuhan Bahagian Pembangunan Ijtihad adalah selari dengan hasrat pihak pengurusan tertinggi KUIM untuk menjadikan INFAD sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang disegani. Matlamat penubuhan bahagian ini adalah untuk membangunkan aktiviti ijtihad yang lebih komprehensif dan dinamik bagi membentuk satu mekanisma pelaksanaan ijtihad yang kontemporari sesuai dengan prinsip syarak. Di samping itu, Bahagian Pembangunan Ijtihad diwujudkan bagi memartabatkan institusi ijtihad sesuai dengan sumber hukum yang utama selepas al-Quran dan as-Sunnah dengan mengkaji proses ijtihad yang telah lalu. Antara aktiviti yang akan dijalankan oleh bahagian ini termasuk mengendalikan penyelidikan akademik berkaitan mekanisma ijtihad dahulu dan masa kini, memberi latihan dan khidmat kepakaran serta menganjurkan wacana-wacana ilmu.



## SIDANG PENGARANG BULETIN INFAD

### Penaung

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor  
Hj. Husin  
Rektor KUIM

### Penasihat

Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa  
Pemangku Pengarah INFAD

### Ketua Editor

Zurina Kefeli @ Zulkefli

### Editor

Dr. Adel M. Abdulaziz Algeriani  
Dr. Badrul Munir Muhammad Nur  
Dr. Ahmad Pangidoan Nasution  
Hazleena Baharun  
Leslie Terebessy @ Abdul Karim  
Abdullah  
Harison @ Hanisa Mohd Sidek  
Md. Yunus Abd. Aziz  
Rozlina Mohd Ramli

### Urus setia

Md. Ishah Rahman  
Mazura Mohd Noor  
Hariza Mohd Yusof  
Nor Azzah Momin

## Dari Meja Editor

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya BULETIN INFAD keluaran keempat ini berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini, kami dari Sidang Pengarang BULETIN INFAD ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin ini.

Pihak Sidang Pengarang BULETIN INFAD juga amat mengalu-alukan sebarang sumbangan dalam bentuk berita, artikel, ulasan buku, pendapat, gambar dan sebagainya yang berkaitan dengan fatwa untuk diterbitkan di dalam BULETIN INFAD.

Sila kemukakan sumbangan anda kepada kami di alamat seperti berikut:

### Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Kolej Universiti Islam Malaysia  
Tingkat 10, Menara A, Persiaran MPAJ  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah  
55100 Kuala Lumpur

Tel: 03-42892285 (Pejabat Pemangku Pengarah)  
03-42892235 (Pejabat Pentadbiran)

Fax: 03-42892234

Laman web: <http://infad.kuim.edu.my>

## LAMAN WEB FATWA

### e-fatwa – Rujukan Rasmi Fatwa di Malaysia

Deskripsi: Laman web ini dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan merupakan rujukan rasmi kepada fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan di seluruh negeri-negeri di Malaysia.  
<http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/default.asp>

### Himpunan Fatwa Negeri Perlis

Deskripsi: Mengandungi himpunan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Perlis, Malaysia. Didahului dengan pengertian fatwa, penerangan mengenai proses penggubalan fatwa di Negeri Perlis, jenis-jenis fatwa yang diamalkan di Negeri Perlis dan senarai keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis  
<http://www.perlis.gov.my/mufti/fatwa/Tajuk.htm>

### Laman Web Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Deskripsi: Mengandungi maklumat ringkas mengenai sejarah penubuhan jabatan ini sejak awal, fungsi jabatan dan carta organisasi jabatan. Juga menyediakan senarai fatwa yang telah dikeluarkan sejak tahun 1962 hingga tahun 2003.  
<http://www.brunet.bn/gov/mufti/>

# LAWATAN MUFTI KEMBOJA KE INFAD

Pada 5 Oktober 2004, INFAD telah menerima kunjungan S.S. Okhna Hj. Kamarudin B. Yusoff, Mufti Kemboja bersempena dengan lawatan beliau ke Malaysia. Rombongan beliau dianggotai oleh Ust. Jalaludin Hasanudin, Ketua Urus setia Program Korban Aqiqah Kemboja di Malaysia dan Ust. Azhar B. Dato' Abdul Shukor, Pembantu Khas Mufti Kemboja. Kedatangan ahli rombongan Mufti Kemboja telah disambut oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Pemangku Pengarah INFAD, Dr. Adel M. Abdulaziz, Timbalan Pengarah INFAD dan beberapa orang penyelaras INFAD dan pensyarah KUIM.



Satu sesi perbincangan telah diadakan dan dimulai dengan ucapan selamat datang oleh Y.Bhg. Pemangku Pengarah INFAD. Beliau memaklumkan bahawa kunjungan pihak Mufti Kemboja ke INFAD memberi banyak manfaat kepada kedua-dua belah pihak, antaranya dapat menjalinkan hubungan dua hala dan membentuk kerjasama di antara kedua-dua belah pihak. Di samping itu, beliau turut berkesempatan menerangkan sejarah dan latar belakang penubuhan INFAD secara keseluruhannya termasuk aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak pengurusan INFAD. Maklumat berhubung projek 'Fatwa Management System' (FMS), hasil kerjasama pihak INFAD dengan Syarikat INNOVASIA yang akan dilancarkan tidak lama lagi juga turut dimaklumkan kepada pihak Mufti Kemboja.

Sebagai ucapan balas, Y.Bhg. S.S. Mufti Kemboja mengucapkan terima kasih kepada pihak INFAD kerana sudi menjemput beliau berkunjung ke INFAD. Y.Bhg. S.S. Mufti juga mengucapkan tahniah kepada KUIM kerana telah berjaya melangkah setapak lagi dengan menubuhkan INFAD yang bertaraf dunia, di samping dapat membantu tugas dan peranan dalam pengurusan fatwa di dalam dan luar negara.

Beliau berharap agar kunjungan ini adalah langkah awal bagi menjalinkan hubungan dua hala antara kedua belah pihak, di samping dapat bertukar-tukar fikiran dan pandangan berhubung perjalanan dan pengurusan fatwa di kedua-dua pihak secara berterusan.

Y.Bhg. S.S. Mufti memaklumkan bahawa segala bentuk pembangunan untuk dunia Islam di Kemboja masih baru dan jauh ketinggalan berbanding dengan Negara ASEAN yang lain. Ini berikutan siri peperangan yang berpanjangan di sana dan penindasan yang dilakukan oleh pihak rejim Khemer terhadap alim ulama Islam Kemboja. Selain itu, beliau turut memaklumkan bahawa pengurusan fatwa di Kemboja tidak dijalankan secara berpusat dan teratur memandangkan tiada pengkhususan dalam mengeluarkan fatwa. Fatwa di Kemboja juga tiada kesinambungan memandangkan buku-buku mahupun catatan mengenai fatwa terdahulu telah dibakar dan dimusnahkan oleh pihak rejim Khemer semasa peperangan. Beliau menyatakan bahawa di Kemboja tidak terdapat badan-badan yang khusus dalam mengeluarkan fatwa dan fatwa juga bebas dikeluarkan oleh mana-mana imam kampung berpandukan kepada situasi yang berlaku. Penyampaian fatwa juga dilakukan dari mulut ke mulut dan tidak direkodkan. Kedudukan Mufti dalam kerajaan Kemboja adalah sama dengan Ketua Buddha yang mana dalam acara-acara rasmi kerajaan, Mufti akan memainkan peranan bagi majlis-majlis yang melibatkan keagamaan dan bacaan doa.

Beliau turut memaklumkan bahawa tahap pendidikan bagi kanak-kanak Islam di sana masih rendah dan purata kanak-kanak yang menerima pendidikan awal adalah rendah. Oleh yang demikian, pihak beliau berharap agar ikatan yang terjalin antara kedua-dua belah pihak dapat memangkinkan kerjasama dua hala tidak kira dalam apa jua bentuk. Sesi perbincangan diakhiri dengan pemberian cenderahati dan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan.



## LAWATAN INFAD KE PEJABAT MUFTI NEGERI JOHOR

INFAD telah membuat satu lawatan ke Pejabat Mufti Negeri Johor pada 6 Oktober 2004 yang lalu. Lawatan ini telah diketuai oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Pemangku Pengarah INFAD diiringi oleh Dr. Adel M. Abdulaziz, Timbalan Pengarah INFAD dan tiga orang Penyelaras, seorang Felo Penyelidik dan tiga orang urus setia.


Lawatan ini adalah yang kedua dalam rangka lawatan INFAD ke setiap Pejabat Mufti di Malaysia yang mana lawatan pertama telah dijalankan pada bulan Februari yang lalu ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif lawatan ini dianjurkan adalah untuk menjalinkan hubungan dua hala dengan semua Jabatan Mufti dalam dan luar negara.

Di Pejabat Mufti Negeri Johor, rombongan INFAD telah disambut mesra oleh Y.Bhg. S.S. Dato' As Sheikh Haji Nooh Gadot, Mufti Negeri Johor dan Y.Bhg. S.S. Dato' Hj Mohd Tahrir bin Dato' Hj. Samsudin, Timbalan Mufti Negeri Johor dengan disertai oleh enam orang pegawai.



Y.Bhg. S.S. Mufti turut mengucapkan tahniah di dalam ucapan aluannya kepada KUIM kerana telah berjaya melangkah setapak lagi dengan penubuhan INFAD yang bertaraf dunia di samping dapat membantu tugas dan peranan di dalam pengurusan Fatwa di dalam dan luar negara. Satu taklimat mengenai sistem pengurusan fatwa di Johor telah dibentangkan oleh beliau bagi menerangkan fungsi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pejabat Mufti Negeri Johor. Sebagai ucapan balas, Y.Bhg. Pemangku Pengarah INFAD mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pejabat Mufti Negeri Johor terutamanya Y.Bhg. S.S. Mufti kerana sudi melapangkan masa menerima kunjungan dari pihak INFAD. Beliau mengharapkan agar kerjasama antara INFAD dan Pejabat Mufti Johor akan dapat diadakan bagi kebaikan kedua-dua pihak.

Dalam sesi perbincangan, kedua-dua pihak telah berkesempatan untuk berkenalan, bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman dalam pengurusan fatwa. Lawatan ini diakhiri dengan sesi pertukaran cenderahati dan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan.



## WACANA KHAS INFAD 2004: INFAD, KINI DAN MASA DEPAN

Pada 8 Jamadilawal 1425 H bersamaan 26 Jun 2004, satu wacana khas telah diadakan oleh Bahagian Seminar dan Wacana INFAD bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

Wacana Khas ini yang bertemakan "INFAD, Kini dan Masa Depan" telah berjaya mengumpulkan tetamu jemputan khas INFAD yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan fatwa di Malaysia. Seramai enam orang Mufti, seorang Timbalan Mufti, wakil-wakil akademik, Jabatan Hal Ehwal Islam

Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), wakil daripada Bank Negara, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta Jawatankuasa Syariah Malaysia turut hadir dalam pertemuan yang penuh bermakna tersebut. Selain daripada jemputan khas daripada pihak luar, wacana ini turut disertai oleh felo-felo penyelidik INFAD dan penyelarasan-penyelarasan INFAD.

Pelbagai cadangan dan pandangan diutarakan oleh tetamu jemputan Wacana Khas INFAD 2004 ini. Antaranya ialah:

- (a) Mengenal pasti bentuk dan bidang kerjasama INFAD dan pihak yang berkenaan di dalam dan luar negara. Sebagai contohnya, MOU dengan Darul Ifta', Mesir
- (b) Menawarkan kursus jangka pendek untuk bakal mufti
- (c) Pengumpulan fatwa-fatwa di antara negeri-negeri
- (d) Mengenal pasti pakar-pakar bidang dan ulama agar jaringan kerjasama lebih meluas
- (e) Penubuhan tabung kewangan untuk penyelidikan bagi memenuhi keperluan penyelidikan
- (f) Menerbitkan jurnal fatwa yang menghimpunkan artikel daripada dalam mahupun luar negara
- (g) Mengenal pasti jaringan perhubungan di peringkat ASEAN dan antarabangsa
- (h) Mengenal pasti kategori fatwa agar orang ramai tidak keliru
- (i) Menyelesaikan permasalahan pentadbiran dan bidang kuasa fatwa di Malaysia
- (j) Mengenal pasti kedudukan fatwa di Mahkamah Sivil

Input yang diberikan adalah penting untuk dijadikan panduan bagi memantapkan lagi pengurusan dan perancangan INFAD pada masa akan datang.



# BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN INFAD 2005 – 2015 DI MELAKA

Sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan yang bernaung di bawah pentadbiran KUIM, INFAD memerlukan satu pelan program jangka masa panjang bagi memantapkan lagi penubuhan INFAD sebagai institusi pengurusan dan penyelidikan yang tersohor. Justeru, pada 23 hingga 25 Sya'ban 1425 H bersamaan dengan 8 hingga 10 Oktober 2004, INFAD telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan INFAD bagi tahun 2005 – 2015 bertempat di Hotel Century Mahkota, Melaka. Perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM.

Bengkel Perancangan Strategik INFAD ini telah berjaya mengumpulkan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan dan pentadbiran INFAD yang terdiri dari Pemangku Pengarah, Timbalan Pengarah, Penyelaras-Penyelaras, Felo-Felo Penyelidik dan Kakitangan Am Pentadbiran INFAD sendiri.

Bengkel ini diadakan dalam bentuk pembentangan kertas kerja dan perbincangan di kalangan peserta. Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd. Yusof Haji Othman, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UKM telah dijemput khas bagi membentangkan tajuk "Perancangan Strategik Institut Penyelidikan Bertaraf Dunia: Model, Skop, Kriteria dan Kaedah Pelaksanaan Terbaik". Aktiviti diteruskan dengan pembentangan kertas kerja di kalangan penyelaras-penyelaras INFAD dalam usaha mendapatkan pandangan daripada semua ahli berhubung perancangan strategik dan pelan tindakan 10 tahun bagi setiap bahagian.

Hasil perbincangan Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan 2005 - 2015 ini akan digunakan oleh INFAD bagi merancang aktivitinya di masa akan datang.



## **BIODATA MUFTI KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM**

**D**ATO' HAJI NOOH BIN GADOT, Mufti Negeri Johor dilahirkan pada 7/11/1946 di Segamat, Johor Darul Takzim. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Maahad Johor, Sekolah Menengah Arab, Segamat, Madrasah Al-Ibtidiah, Segamat dan Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor - Darjah Khas. Seterusnya beliau meneruskan pengajian ke Universiti Al-Azhar, Mesir peringkat ijazah dalam Jurusan Undang-Undang dan Syariah Islamiah. Pada tahun 1994-1995, beliau pernah menghadiri Kursus Pengurusan Fatwa Darul Ifta' di Kementerian Keadilan, Mesir.

Sebelum menjawat jawatan sekarang, beliau mempunyai banyak pengalaman dalam bidang-bidang pekerjaan yang mengkayakan lagi pengalamannya. Antaranya beliau pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Mufti Negeri Johor selama 2 tahun dari 1996-1998. Beliau turut berpengalaman sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syara' (Kadi Besar) pada tahun 1994-1996.

Pengalaman beliau amat luas dalam bidang agama. Seawal tahun 1967, dengan jawatan pertamanya sebagai Guru Agama Kerajaan Negeri Johor, beliau terus diberi kepercayaan untuk memangku jawatan sebagai Penolong Pemeriksa dan Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor pada November, 1978.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Hal Ehwal Agama (JPM) (Penolong Pengarah INDAH) pada Oktober 1978. Seterusnya pada tahun 1980, beliau dilantik sebagai Pendakwa Syarie (kadi lintar), sebagai Pengelola Penerangan Agama (1982), beliau pernah juga diberi kepercayaan untuk menanggung kerja jawatan Kadi Kota Tinggi (Julai-Ogos 1987), menanggung kerja jawatan Kadi Johor Bharu (Januari-Jun 1988), menanggung kerja Amin BaitulMal dan juga sebagai Penolong Ketua Pengelola Zakat Fitrah (Jun 1989-Ogos 1989). Seterusnya pada tahun 1990-1994, beliau turut diberi kepercayaan menanggung kerja jawatan Kadi Johor Bharu.

Selain daripada itu, beliau turut aktif dalam kerja-kerja sosial dan juga kemasyarakatan. Pada peringkat kebangsaan, beliau turut terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Ahli Jawatankuasa Nadwah Ulamak dan Ilmuan Malaysia, Ahli Jawatankuasa Lembaga Teks Al-Quran Kementerian Dalam Negeri, Ahli Jawatankuasa Rancangan Radio IKIM, Ahli Jawatankuasa Syariah Skim Amanah Saham Angkasa dan Panel Penggubal Modul Kursus ILIM.

Di peringkat negeri pula, beliau merupakan Pengerusi kepada Jawatankuasa Majlis Agama Islam Johor dan bertanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah (Lujnah Fatwa), Jawatankuasa Melihat Anak Bulan, Kebenaran Mengajar & Syarahan Agama, Jawatankuasa Penyemakan Khutbah, Elaun Galakan Menghafaz Al-Quran dan juga

sebagai Lembaga Penyemakan Kitab Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor. Beliau turut terlibat sebagai AJK kepada Jawatankuasa Majlis Agama Islam Johor dan bertanggungjawab terhadap Zakat dan Fitrah Negeri Johor, Wakaf dan Rumah Kenangan Negeri Johor, Baitul Mal Negeri Johor, Kewangan dan Perkara-Perkara Am, Pendidikan dan Kebajikan, Lembaga Penggubal Enakmen, Peraturan dan Kaedah-Kaedah Perundangan, Skim Bantuan Rumah Fakir Miskin, Klinik Waqaf An-Nur, serta Pembangunan dan Perancangan



Selain daripada itu, beliau turut menganggotai Ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor, Ahli Majlis Agama Islam Johor, sebagai pakar rujuk Mahkamah Syariah Johor, pakar rujuk Pegawai-Pegawai Hal-ehwal Islam Johor, AJK Juvana Johor Bahru, AJK Penyelaras Anak-Anak Yatim Johor, Ahli Pertubuhan Pegawai Agama Negeri Johor, AJK Sambutan Maulidurasul dan Maal Hijrah, AJK Pusat Pemulihan Dadah Negeri Johor, Ahli Majlis Masjid-Masjid dan Surau Negeri Johor, Ahli Lembaga Pengarah Insist Amilat PKEINJ, dan juga sebagai Penyemak dan mengesahkan Takwim Hijrah, Jadual Waktu Sembahyang dan Imsyakhiah Puasa Ramadhan.

Beliau turut memegang jawatan sebagai Jawatankuasa Syariah Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ), Ahli Jawatankuasa Syariah Dana KWSP Perbadanan Johor, Panel Penggubal Modul Sakinah, Penasihat Majalah Al-Irsyah Jabatan Mufti Johor, sebagai Jawatankuasa Pertandingan Nasyid Peringkat Negeri Johor, Jawatankuasa Badan Syariah Koperasi Pegawai Kerajaan Daerah Johor Bahru Berhad dan Jururunding Syariah - Skim Unit Amanah Yang Berlandaskan Syariah.

Selain memegang jawatan-jawatan tertentu, beliau turut terlibat dalam pelbagai aktiviti semasa seperti sebagai Mejar Kehormat Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW), membuat kertas kerja berhubung dengan Hal-Ehwal Islam Peringkat Negeri dan Kebangsaan, Ahli Panel Forum JAKIM dan RTM, Ceramah Jemputan Biro Tata Negara, Penceramah jemputan induksi SUK, Penceramah jemputan pusat pengajian tinggi dalam negeri, Penceramah jemputan di Negara Brunei Darussalam dan Singapura, lawatan kerja ke mukim dan daerah dan lawatan kerja sempena berlakunya bencana alam seperti banjir dan lain-lain lagi.

# PENGURUSAN FATWA DI NEGERI JOHOR<sup>1</sup>

Disediakan Oleh:  
Najwa Hayaati Mohd Alwi<sup>2</sup>

## LATAR BELAKANG JABATAN MUFTI

Institusi Mufti di Johor telah wujud iaitu seawal zaman Kesultanan Melayu Johor Riau. Dalam pentadbiran Johor Moden, Sohibu As Samahah Mufti telah menjadi pegawai awam yang penting iaitu sebagai Penasihat Agama Islam dan Pegawai Istana kepada DYMM Sultan Johor.

Setelah mendapat persetujuan Kerajaan, mulai 1 Januari 2000 Bahagian Mufti telah dipisahkan dari Jabatan Agama Johor dan diwujudkan Jabatan Mufti Negeri Johor.

## VISI JABATAN MUFTI

- Beriltizam menjadikan Jabatan Mufti Negeri Johor sebagai tempat rujukan dan sumber ilmu Islam yang terunggul.
- Memandu umat Islam dalam perkara hukum hakam yang betul.
- Memperkaya umat Islam dengan ilmu-ilmu duniawi dan ukhrawi.
- Memperkasa umat Islam dengan Akidah ahli As-Sunnah Wal Jamah serta syariah dan akhlak Islamiah dalam pengucapan dan amalan.

## OBJEKTIF JABATAN MUFTI


Mengeluarkan fatwa dan tempat rujukan tertinggi hal ehwal Islam berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak, Qias dan sumber-sumber lain untuk semua umat Islam dan orang awam bagi menjaga akidah, ibadah, akhlak serta syariat Islamiah kearah memartabatkan Islam dan ummah.

## FUNGSI JABATAN MUFTI

- Mengeluarkan fatwa dan menjawab kemusykilan agama.
- Memberi nasihat kepada semua pihak berhubung dengan hal ehwal agama Islam dan hukum hakam sebagai panduan dan amalan.
- Mengumpul dan menyelidik fatwa-fatwa, dan pandangan ulama' yang telah dikeluarkan didalam dan luar negeri sebagai panduan dan rujukan.
- Melaksanakan sesi pengembangan kefahaman Islam melalui dakwah, tarbiah dengan mengadakan dan menyertai seminar, simposium, persidangan,

bengkel dan ceramah-ceramah serta membenteng kertas kerja

- Membuat pengiraan takwim Islam, Miladi, waktu solat dan jadual imsyakiah.
- Membuat cerapan anak bulan dan bulan tua serta bertanggungjawab melaporkan keputusan kelihatan anak bulan (Ramadan, Syawal, Zulhijjah dan Muharram) kepada DYMM Sultan dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.
- Memberi kefahaman berkaitan falak syar'ie seperti arah kiblat, waktu solat, penentuan puasa dan hari raya, penentuan awal bulan Islam dan gerhana matahari/bulan.



## PIAGAM PELANGGAN JABATAN MUFTI

Bagi memastikan kecekapan, suatu piagam pelanggan telah diwujudkan di Jabatan Mufti Johor iaitu:

- Semua permohonan fatwa yang memerlukan keputusan Jawatankuasa Syariah (Lujnah Fatwa), pemohon akan dimaklumkan dalam masa 14 hari bahawa isu tersebut akan dirujuk kepada Mesyuarat Lujnah Fatwa.
- Kemusykilan agama yang tidak perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Syariah (Lujnah Fatwa) atau permohonan fatwa yang telah difatwakan akan diberikan jawapan dalam tempoh masa berikut:
  - Pertanyaan lisan atau telefon - hari yang sama.
  - Pertanyaan bertulis - dalam masa 14 hari dari tarikh surat diterima.

<sup>1</sup> Diadaptasi daripada Taklimat Pengurusan Fatwa di Negeri Johor oleh Y.Bhg. S.S. Dato' As Sheikh Haji Nooh Gadot, Mufti Negeri Johor pada 6 Oktober 2004.

<sup>2</sup> Penyelaras Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa merangkap Pensyarah di Unit Pengajian Umum, KUIM.

- Bersedia memberikan khidmat nasihat dan panduan berhubung dengan hal ehwal agama dan hukum hakam bila-bila masa yang diperlukan.
- Bersedia untuk membuat penyemakan ke atas penerbitan-penerbitan yang berkaitan dengan Islam bila-bila masa yang diperlukan.
- Memastikan segala urusan pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan profesional, cekap dan berkesan.

#### PERLANTIKAN MUFTI DAN TIMBALAN MUFTI

Dengan nasihat Majlis, Duli Yang Maha Mulia Sultan berkuasa melantik sesiapa yang layak dan perlantikan tersebut mestilah disiarkan di dalam Warta.

Mufti akan membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak. Selain itu fungsi beliau juga adalah membantu dan menasihati kerajaan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak. Mufti mempunyai kedudukan yang tinggi dimana ia menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Johor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak.

#### JAWATANKUASA FATWA

Satu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa hendaklah dilantik.

Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada:

- 2.1 Mufti sebagai Pengerusi
- 2.2 Timbalan Mufti
- 2.3 2 Orang anggota Majlis

- 2.4 Tidak kurang dari dua dan tidak lebih dari lima orang yang layak dilantik oleh Majlis
- 2.5 Seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai Setiausaha.

- Tempoh Ahli J/Kuasa Fatwa adalah tidak melebihi tiga tahun dan boleh dilantik semula.
- Kouram Mesyuarat ialah kehadiran lima ahli termasuk Pengerusi.
- J/Kuasa Fatwa boleh memutuskan segala persoalan berhubung tatacara dan amalannya.

#### PERKARA YANG DIFATWAKAN

Apa-apa persoalan yang belum muktamad atau; Apa-apa persoalan yang menimbulkan ketidaktentuan berhubung dengan hukum syarak.

#### FATWA YANG DISIARKAN ATAU DIMAKLUMKAN ADALAH MENGIKAT

Fatwa yang telah disiarkan dalam warta atau dimaklumkan:

- mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di negeri Johor sebagai ajaran agamanya dan;
  - menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu.
- \* Melainkan jika dia telah mendapat kecualian oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan Hukum Syarak.

Fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Johor tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

## MUZAKARAH FATWA SIRI I - INFAD 2004 "Kubur Bertingkat – Perspektif Malaysia"

INFAD akan mengadakan Program Muzakarah Fatwa Siri I bagi menyemarakkan lagi perbincangan ilmiah di kalangan kakitangan akademik KUIM berkaitan fatwa dan perkembangan Islam di Malaysia. Selain daripada menganjurkan wacana dan seminar di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, INFAD berharap dapat menjadikan Program Muzakarah Fatwa ini sebagai program berterusan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan perkembangan fatwa dan Islam.

Antara objektif muzakarah fatwa ini adalah untuk menambahkan lagi program ilmiah di INFAD, menggalakkan percambahan fikiran, perbincangan ilmiah dan pertukaran pendapat di kalangan warga akademik berkenaan dengan isu-isu semasa yang ada hubungan dengan fatwa, meninjau isu-isu berkaitan

fatwa yang akan berlaku di masa akan datang dan mengenal pasti isu-isu fatwa kontemporari.

Muzakarah yang pertama dijangka diadakan pada bulan Januari 2005 yang akan membincangkan isu "**Kubur Bertingkat – Perspektif Malaysia**" oleh **En. Md. Yunus Abdul Aziz**, Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang KUIM merangkap Penyelaras Sumber dan Dokumentasi INFAD. Muzakarah ini adalah terbuka kepada semua kakitangan akademik KUIM.

Adalah diharapkan siri pertama muzakarah ini akan mencetuskan lagi siri-siri muzakarah yang dapat dimanfaatkan pada masa hadapan dan membantu INFAD dalam membudayakan ilmu dan memperkayakan sumber maklumat berkaitan fatwa.

## THE VISIT BY CAMBODIA'S MUFTI TO INFAD

On 5 October 2004, INFAD received a visit by S.S. Okhna Hj. Kamarudin B. Yusoff, Mufti of Cambodia, during his official visit to Malaysia. The delegation members were Ust. Jalaludin Hasanudin, Head of Secretariat for *Korban Aqiqah* Program of Cambodia in Malaysia, and Ust. Azhar B. Dato' Abdul Shukor, Personal Assistant to the Mufti of Cambodia. They were warmly welcomed by Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Acting Director of INFAD, Dr. Adel M. Abdulaziz, Deputy Director of INFAD and several INFAD officials and KUIM lecturers.

A discussion session started with a welcoming speech by the Y.Bhg. Acting Director of INFAD. In his speech he mentioned that the visit by the delegation of the Mufti of Cambodia to INFAD brings benefits to both parties, such as building a bilateral relationship and forming understanding and cooperation. He had the opportunity to explain the overall history and background of INFAD, including the activities held and in progress. The delegation was informed about the Fatwa Management System (FMS) project, a joint venture between INFAD and INNOVASIA, to be launched soon.

Y.Bhg. S.S. Mufti of Cambodia, in his reply, thanked INFAD for the invitation. He congratulated KUIM for having successfully established INFAD, a world class Institute that, it is hoped, will play a significant role in local and international fatwa management. He expressed the hope that his visit would be a first step to a closer and continuing relationship between the two parties in exchanging useful ideas on fatwa management

Y.Bhg. S.S. Mufti also said that the Islamic world in Cambodia is still young and far behind compared to other ASEAN countries. This is due to oppression and the war waged on Islam and the ulamas in Cambodia by the Khmer regime. The management of fatwa in Cambodia is not centralized and systematically carried out since there is no specialization in fatwa announcement. The fatwa management in Cambodia also lacks continuity since most books and records of previous fatwas had been burnt or otherwise destroyed by the Khmer regime during the war. There is no specific body or party in fatwa announcement. Fatwa is freely announced by any village imam as the need arises. Fatwa announcement is spread mouth to mouth and is not recorded. The position of the Mufti in the government of Cambodia is similar to the Head of the

Buddhists. In official government events the Mufti plays a role in functions relating to religion and prayer recitation.

Y.Bhg Mufti further disclosed that the education level of Muslim children is still very low, with few children receiving early education. Thus, the Y.Bhg. Mufti hopes that the relation between both parties can stimulate two-way cooperation in many aspects. Before the photography session at the end of the discussion, the two parties exchanged gifts as a symbol of appreciation.



### Content

The Visit By Cambodia's Mufti To INFAD	10
INFAD Bulletin Editorial Board	11
From The Editor	11
Fatwa Discourse Series I – INFAD 2004 "Kubur Bertingkat – Perspektif Malaysia"	11
An INFAD Visit To The Office Of The Mufti Of Johor	12
INFAD's Special Discourse 2004- INFAD, Present And Future	13
INFAD Strategic Planning And Action Workshop 2005-2015 In Melaka	14
Biodata Of The Mufti Of Johor Darul Takzim	15
Fatwa Management In Johor	16

## INFAD BULLETIN EDITORIAL BOARD

### Patron

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor  
Hj. Husin  
*Rector of KUIM*

### Advisors

Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa  
*Acting Director of INFAD*

### Chief Editor

Zurina Kefeli @ Zulkefli

### Editors

Dr. Adel M. Abdulaziz Algeriani  
Dr. Badrul Munir Muhammad Nur  
Dr. Ahmad Pangidoan Nasution  
Hazleena Baharun  
Leslie Terebessy @ Abdul Karim  
Abdullah  
Harison @ Hanisa Mohd Sidek  
Md. Yunus Abd. Aziz  
Rozlina Mohd Ramli

### Secretariat

Md. Ishah Rahman  
Mazura Mohd Noor  
Hariza Mohd Yusof  
Nor Azzah Momin

## From The Editor

Alhamdulillah, our gratitude is due to Allah the Almighty. With His blessings the fourth issue of BULETIN INFAD has been successfully published. The Editorial Board of BULETIN INFAD would like to take this opportunity to thank all respective parties involved in the publication of this Bulletin for their encouragement and support.

The Editorial Board of BULETIN INFAD welcomes contributions in the form of news, articles, views, book reviews, illustrations, photographs or other materials related to fatwa for publication in the BULETIN INFAD.

Kindly submit your contributions to us at the address below:

**World Fatwa Management and Research Institute (INFAD)**  
Kolej Universiti Islam Malaysia  
Level 10, Menara A, Persiaran MPAJ  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah  
55100 Kuala Lumpur

**Tel:** 03-42892285 (Acting Director's Office)  
03-42892235 (Administration Office)

**Fax:** 03-42892234

**Websites:** <http://infad.kuim.edu.my>

## FATWA DISCOURSE SERIES I - INFAD 2004 "Kubur Bertingkat – Perspektif Malaysia"

In order to encourage academic discussion of fatwa and the development of Islam in Malaysia, INFAD will organize a *Fatwa Discourse Series I*. Besides organizing national and international discourses and seminars, it is hoped that the fatwa discourse programme will become an ongoing forum for the discussion of issues related to the development of fatwa and Islam.

The objectives of the *Discourse Series* include implementing additional educational programmes by INFAD to foster academic discussion and an exchange of ideas among academicians on current issues related to fatwa. Another objective is to monitor future and current fatwas as well as issues arising in relation to them.

The first discourse is scheduled for January 2005. **En. Md. Yunus Abdul Aziz**, lecturer of the Faculty of Syarie and Law KUIM, Coordinator of the *Documentation and Resource Division INFAD*, will discuss the issue of "**Kubur Bertingkat – Perspektif Malaysia.**" The discourse is open to all academic staff of KUIM.

It is hoped that the first series will lead to additional discussions that can benefit the ummah, enhance the culture of knowledge, and contribute additional resources related to fatwa.

## AN INFAD VISIT TO THE OFFICE OF THE MUFTI OF JOHOR

INFAD has made a visit to the Office of the Mufti of Johor on the 6<sup>th</sup> October 2004. The visit was headed by Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Acting Director of INFAD. He was accompanied by Dr. Adel M. Abdulaziz, Deputy Director of INFAD, three coordinators, a fellow researcher and three representatives of the secretariat.

This is the second of INFAD's scheduled visits to all Mufti Offices in Malaysia. The first visit, to the Office of the Mufti of Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, took place in February. The main objective of the visits is to form a two-way relationship with Muftis, be it in the country or abroad.

The INFAD entourage was met by Y.Bhg. S.S. Dato' As Sheikh Haji Nooh Gadot, Mufti of Johor and Y.Bhg. S.S. Dato' Hj Mohd Tahrir bin Dato' Hj. Samsudin, Deputy Mufti of Johor. They were accompanied by six officers.



In his welcoming speech, the Y.Bhg. S.S. Mufti congratulated KUIIM for its success in moving toward establishing a world class INFAD, and for assisting in fatwa management, locally and internationally. The Mufti of Johor gave a briefing to explain the functions and activities conducted by the Office, related to the management of fatwa in Johor. The Y.Bhg. Deputy Director of INFAD, in his reply, thanked the Y.Bhg. S.S. Mufti for his kindness in spending some time with the entourage from INFAD. It is hoped that cooperation between INFAD and the Office of the Mufti of Johor can be established for the benefit of both parties.

During a dialogue session, both parties had the opportunity to get to know each other and share experiences in fatwa management. Before the photography session at the end of the discussion, both parties exchanged gifts as a symbol of appreciation.



# INFAD'S SPECIAL DISCOURSE 2004: INFAD, PRESENT AND FUTURE

On 8<sup>th</sup> *Jamadilawal* 1425 H (26th June 2004), a special discourse was organized by INFAD's Seminar and Discourse Division at the Nikko Hotel, Kuala Lumpur.

The theme for the special discourse, "*INFAD, Kini dan Masa Depan*" brought together guests of honor, who directly or indirectly involved in fatwa management in Malaysia. Six Muftis, a Vice Mufti and representatives from Academic Institutions, *Jabatan Hal Ehwal Islam Malaysia*, *Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)*, a representative from *Bank Negara*, *Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)* and *Jawatankuasa Syariah Malaysia* were also present at this significant event. Besides the guests of honor, fellow researchers and coordinators of INFAD also attended the discourse.

Various views and proposals were expressed by the special guest speaker to *Wacana Khas INFAD 2004*. Some of them were to:

(a) Identify the form and field of cooperation between INFAD and the respective parties,

local and foreign. For example, an MOU with *Darul Ifta'*, Egypt

- (b) Offer short term courses for future muftis
- (c) Collect fatwas from all states
- (d) Identify experts and ulamas to ensure wider networking
- (e) Set up a research fund to accommodate research needs
- (f) Establish a fatwa journal to publish articles, both local and foreign
- (g) Identify communication networks at the ASEAN and international level
- (h) Identify categories of fatwa to prevent public confusion
- (i) Find solutions to issues of jurisdiction and the administration of fatwa in Malaysia
- (j) Identify the status of fatwa in the Civil Court

Input is crucial for strengthening future administration and planning at INFAD.



## INFAD STRATEGIC PLANNING AND ACTION PLAN WORKSHOP 2005 – 2015 IN MELAKA

As one of the centers of excellence under the administration of KUIM, INFAD is preparing a long-term plan to strengthen its position as a respected institute of fatwa management and research. Hence, from the 23<sup>rd</sup> to 25<sup>th</sup> Sya'ban 1425 H (8<sup>th</sup> to 10<sup>th</sup> October 2004) INFAD has conducted a *STRATEGIC PLANNING AND ACTION PLAN WORKSHOP for 2005 – 2015* at The Century Mahkota Hotel, Melaka. The workshop was officiated by the Rector of KUIM, Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin.

The *Strategic Planning Workshop* successfully brought together staff directly involved in the administration and management of INFAD, including the *Acting Director, Deputy Director, Cordinators, Fellow Researchers* and the *General Administrative Staff* of INFAD.

The workshop was conducted in the form of working paper presentations and discussions among the participants. The *Director of the Research Management Centre of UKM*, Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd. Yusof Haji Othman, was specially invited to present a paper entitled "*Perancangan Strategik Institut Penyelidikan Bertaraf Dunia: Model, Skop, Kriteria dan Kaedah Pelaksanaan Terbaik.*" INFAD Coordinators also presented working papers in the effort to solicit views and comments from the panel with regard to the ten-year strategic action plan for every division.


